

# Meningitis bakteria lebih bahaya

metro  
17/05/09  
EG



**pakar Kanak-kanak**

Bersama Dr Syed Nazir Syed Kadir

(Perunding Paediatrik Pusat Perubatan Kelana Jaya)

**K**ES meningitis yang berlaku pada pelatih Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) di Melaka membimbangkan banyak pihak, terutama ibu bapa. Meningitis berlaku apabila meninges (lapisan membran yang menyelaputi otak dan saraf tunjang) menjadi bengkak (mengalami keradangan).

Biasanya ia disebabkan oleh jangkitan virus atau bakteria. Jadi, adalah penting untuk mengetahui sama ada meningitis yang dialami anak anda disebabkan jangkitan virus atau bakteria. Ini kerana jangkitan bakteria akan berlaku dengan cepat dan menjadi keracunan darah (septicemia) yang boleh menyebabkan kerosakan serius pada otak, kerosakan organ lain dan kematian. Seperti yang dikatakan di

- Ubun-ubun pada bayi bengkak dan nampak 'penuh'
- Tidak suka pada cahaya terang (fotofobia)
- Bayi mungkin akan mengdongakkan kepala atau melentikkan badan

### Bagaimana anda boleh mendapat meningitis?

Kadangkala punca jangkitan pada kanak-kanak sukar dikesan. Bakteria yang menyebabkan jangkitan meningitis adalah sangat biasa dan biasanya satu dalam 10 kanak-kanak, bakteria ini di-


doktor perlu mengambil air tulang belakang anak anda. Apabila diberitahu air tulang belakang anak perlu diambil, ramai ibu bapa bimbang.

Mereka mendengar pelbagai cerita kurang enak akibat pengambilan air tulang belakang.

Sebenarnya ia tidak benar. Pengambilan air tulang belakang tidak akan memberi kesan kepada kesihatan.

Malah, ia juga tidak akan habis kerana setiap orang mempunyai air tulang belakang yang banyak.

Badan akan menggantikan



**BAHAYA...** bakteria yang menyebabkan meningitis.

**DEMI KESIHATAN...** pemakaian topeng antara langkah pencegahan daripada dijangkiti bakteria meningitis.

atas, meningitis boleh dibahagikan kepada dua jenis mengikut penyebabnya iaitu:

- Meningitis viral — Akibat jangkitan virus. Secara umumnya meningitis jenis ini tidak seteruk meningitis bakteria. Rawatan tidak memerlukan antibiotik kerana ia tidak boleh membunuh virus. Kanak-kanak yang diserang meningitis akan dipantau ketika dirawat di hospital.

- Meningitis bakteria — Ia lebih teruk dan serius. Anak anda perlu diberikan antibiotik secara berterusan dan keadaannya dipantau sepanjang dia berada di hospital supaya sebarang perubahan dapat dikesan segera.

### Tanda dan gejala

Ia berbeza mengikut umur dan jenis jangkitan. Antara tanda dan gejala meningitis ialah:

- Demam
- Muntah
- Sawan
- Sakit kepala
- Tidak selesa dan menangis kuat (terutama bayi)
- Letih, pening atau sukar hendak bangun tidur
- Leher teras tegang (pada kanak-kanak yang lebih besar)

jumpai di hidung dan tekak. Ia boleh merebak dari seorang ke orang lain melalui batuk, bersin, ciuman atau berkongsi peralatan makan dan minum. Jangkitan juga berlaku apabila ada sentuhan.

Berita baiknya, kuman ini tidak boleh hidup lebih dari beberapa saat apabila ia ada di luar badan manusia.

Malah, ketika ini juga anda mengelak ada di tempat sesak dan banyak asap (termasuk di rumah yang dipenuhi asap rokok) kerana jangkitan juga dikatakan mudah berlaku dalam persekitaran begini.

### Rawatan

Rawatan yang diberi kepada anak anda bergantung kepada jenis meningitis yang dialami. Anak anda akan diberi antibiotik intravena (secara suntikan ke dalam salur darah) sehingga jenis meningitisnya dapat dikesan. Rawatan termasuk memasukkan ke hospital untuk:

- Mengesan jenis meningitis
- Memberi antibiotik
- Memantau keadaan pesakit

Kebanyakan orang akan sembuh selepas satu tempoh tertentu. Untuk pengesanan,

air tulang belakang bagi menggantikan kuantiti cecair yang diambil.

Ushah bimbang, ini adalah ujian yang selamat dan dilakukan doktor yang berpengalaman untuk memasukkan jarum ke pinggang belakang anak anda, iaitu di celah tulang belakang bagi mengambil sampel cecair tulang belakang (juga dipanggil cecair serebrospinal, CSF).

Diagnosis meningitis dilakukan melalui ujian ke atas sampel cecair tulang belakang dan darah. Keputusannya boleh diperolehi dalam masa dua hingga tiga hari.

### Pengambilan air tulang belakang

Untuk prosedur ini, anak anda perlu baring mengiring, lutut rapat ke dada dan kepala tunduk. Anak anda akan dipegang supaya tidak bergerak.

Bagi bayi, mereka akan 'dibengkokkan' untuk memudahkan pengambilan air tulang belakang. Jarum akan dicucuk di antara dua tulang pada tulang belakang dan tidak akan terkena saraf. Cara ini juga dikenali sebagai 'spinal tap' atau LP'.

Bayi yang usianya kurang dari sebulan perlu diambil air tulang belakang jika mereka

demam. Ujian ini biasanya untuk mengesan sama ada dia mengalami jangkitan pada cecair sekitar otak (meningitis).

Inilah adalah satu-satunya cara pasti untuk mengetahui sama ada anak anda mengalami meningitis atau tidak. Jika anak anda mengalami meningitis, ujian seterusnya akan dijalankan supaya rawatan dapat diberi segera. Kadangkala cecair tulang belakang turut diambil untuk ujian lain.

### Adakah ia menyakitkan?

Kadangkala ia menyakitkan dan menyebabkan ketidakselesaan. Justeru, anak anda akan dipegang supaya tidak bergerak. Anak anda akan menangis. Bagaimanapun, kesakitan ini boleh dikurangkan dengan memberikan suntikan atau disapu krim supaya berasa kebas. Malah, mereka juga boleh diberi ubat untuk mengurangkan kegelisahan dan kebingungan.

### Adakah ia berisiko?

Anda tidak perlu risau. Ini adalah ujian yang selamat. Ada kalanya doktor tidak dapat mengambil cecair ini dan ujian ini akan diulang. Se-

setengah kanak-kanak mungkin mengalami sakit kepala atau sakit belakang untuk sehari dua selepas ujian. Risiko untuk komplikasi seperti pendarahan, jangkitan atau kerosakan saraf adalah sangat kecil (sangat jarang berlaku).

### Secara umumnya doktor akan:

- Memeriksa keadaan neurologi anak dan tanda penting seperti degupan jantung, suhu badan dan tekanan darah
  - Memberikan pesakit ubat dan cecair melalui drip yang dimasukkan ke dalam salur darah
  - Melakukan ujian darah lanjutan
  - Memberi pesakit ubat steroid bagi mengurangkan keradangan atau bengkak pada otak
- Doktor akan memaklumkan keadaan anak anda dari semasa ke semasa atau sebarang ujian lanjutan yang diperlukan.

### Rawatan susulan

Meningitis akan sembuh sepenuhnya, tetapi ia mengambil masa. Antara kesan yang mungkin dialami akibat meningitis ialah:

- Keletihan

- Kerap sakit kepala
  - Sukar menumpukan perhatian dan kadang kala terlupa perkara yang baru berlaku
  - Kelam kabut atau kadang-kala ada masalah keseimbangan
  - Sakit sendi
  - Emosi berubah-ubah
- Selepas anak anda dibenarkan pulang, dia masih memerlukan pemeriksaan lanjutan bagi memastikan dia benar-benar sihat. Ini termasuk ujian pendengaran kerana sesetengah kanak-kanak yang dijangkiti meningitis mengalami masalah pendengaran. Anak anda akan dirawat sebagai pesakit luar.

### Pencegahan

Meningitis juga boleh dikaitkan penyakit lain seperti HIB (Haemophilus influenza B), pneumococcal, beguk, campak dan polio. Imunisasi adalah cara terbaik untuk melindungi anak daripada jangkitan meningitis.

Jika doktor mengesan jenis meningitis tertentu, dia akan mencadangkan supaya orang yang rapat dengan pesakit untuk mengambil antibiotik sebagai langkah pencegahan jangkitan.